

LAPORAN PENCAPAIAN KPI

2024

Kolej Komuniti Paya Besar 

Kolej Komuniti Paya Besar
Cawangan Maran 



LAPORAN PENCAPAIAN KPI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR TAHUN 2024

Siti Rohayu Binti Mohd Khaldi

Penyelaras *Key Performance Indicator (KPI)*
Kolej Komuniti Paya Besar

Sufian Bin Mastor

Timbalan Pengarah Pengurusan
Kolej Komuniti Paya Besar

Zaira Hasnida Binti Mohamed Rashid

Timbalan Pengarah Akademik
Kolej Komuniti Paya Besar

Penerbit

KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

<https://kkpayabesar.mypolycc.edu.my/>



LAPORAN PENCAPAIAN KPI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR TAHUN 2024

Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dokumen ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

eISBN 978-629-99371-8-0

Diterbitkan Oleh;

*Kolej Komuniti Paya Besar
Kementerian Pendidikan Tinggi
Batu 19, Jalan Maran
26300 Gambang
Pahang*

<https://kkpayabesar.mypolycc.edu.my>

PRAKATA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur, tahun 2024 menyaksikan pencapaian yang amat membanggakan apabila institusi kita berjaya mencapai 100% bagi keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah, sebaliknya merupakan hasil daripada usaha gigih, komitmen berterusan, dan semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan semua warga kerja.

Kejayaan ini membuktikan bahawa kerja keras, kesungguhan serta kerjasama erat antara semua pihak mampu menghasilkan impak yang amat memberangsangkan. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, kita telah berjaya mengatasi segala rintangan dan memenuhi setiap sasaran yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua warga organisasi yang telah menunjukkan dedikasi serta komitmen yang luar biasa sepanjang tahun ini. Kejayaan ini adalah cerminan kekuatan bersama apabila semua pihak bersatu hati, bertindak dengan penuh tanggungjawab, dan sentiasa memberi yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan.

Pencapaian ini bukan sahaja menjadi kebanggaan institusi, tetapi turut menjadi pemangkin semangat untuk terus maju dan mengekalkan prestasi cemerlang pada masa hadapan. Semoga kejayaan ini dapat dikekalkan dan berterusan bagi tahun seterusnya.



.....
SHUHAILA IBRAHIM
Pengarah Kolej Komuniti Paya Besar

ISI KANDUNGAN

A. PENDAHULUAN

- I. Latar Belakang 1
- II. Tujuan Laporan 2

B. RINGKASAN EKSEKUTIF

3

C. PENGURUSAN KPI

- I. Carta Organisasi Jawatankuasa KPI KKPB 4
- II. Daftar KPI 2024 Yang Ditetapkan 5
- III. Garis Masa Penghantaran Dokumen Bukti Dan Proses Validasi 6
- IV. Pernyataan Dan Nilai Wajaran Kpi 2024 7
- V. Lantikan AJK KPI KKPB 2024 8-9
- VI. Pegawai KKPB Bertanggungjawab 10 - 11

D. ANALISIS PENCAPAIAN KPI

- I. Pencapaian KPI Tahunan KKPB 12
- II. Sukuan Pertama 13 - 15
- III. Sukuan Kedua 16 - 18
- IV. Sukuan Ketiga 19 - 21
- V. Sukuan Keempat 22 - 24

E. ANALISIS PENYUMBANG UTAMA PENCAPAIAN KPI KKPB

- I. Teras 1 25 - 26
- II. Teras 2 27 - 28
- III. Teras 3, 4 dan 5 29
- IV. Teras 6 30
- V. Teras 7 31 - 38

F. SIJIL PENCAPAIAN KPI 2024

39

G. PENUTUP DAN HALATUJU SETERUSNYA

40

A. PENDAHULUAN. LATAR BELAKANG

Laporan Pencapaian KPI (Key Performance Indicator) 2024 ini disediakan dengan tujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang prestasi Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) sepanjang tahun 2024 berdasarkan Indikator Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Laporan ini bertujuan untuk menilai sejauh mana sasaran yang telah dirancang dapat dicapai. Penyediaan laporan tahunan ini adalah penting kerana ia berfungsi sebagai alat untuk menilai keberkesanan strategi dan operasi yang telah dilaksanakan, sekaligus menjadi panduan untuk penambahbaikan berterusan sekiranya diperlukan.

Indikator Prestasi Utama (KPI) memainkan peranan yang sangat penting dalam mengukur prestasi institusi. KPI bukan hanya berfungsi sebagai alat ukur prestasi, tetapi juga sebagai penanda utama untuk menilai sejauh mana tindakan strategik KKPB dapat dirancang dan dicapai. KPI membantu mengarahkan fokus dan usaha KKPB kepada pencapaian sasaran yang lebih terukur dan khusus, serta memastikan semua pihak dalam institusi bekerja ke arah matlamat yang sama. Melalui KPI, keputusan yang lebih objektif dan berdasarkan data dapat diambil, yang seterusnya mengukuhkan dasar perancangan dan pengambilan tindakan yang lebih berkesan.

Dengan menggunakan KPI sebagai panduan utama, KKPB dapat memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil adalah selaras dengan visi dan misi jangka panjang. Laporan ini memberikan analisis tentang pencapaian KPI sepanjang tahun 2024, serta memberikan cadangan untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian pada masa depan.

PENDAHULUAN. TUJUAN LAPORAN

Laporan Pencapaian Tahunan KPI KKPB disediakan bagi menilai dan melaporkan tahap pencapaian institusi dalam memenuhi matlamat yang telah ditetapkan berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI). Laporan ini memberikan gambaran menyeluruh terhadap keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang, di samping mengenal pasti kekuatan serta kelemahan yang memerlukan penambahbaikan dengan analisa pada tempoh sukuan pencapaian.

Selain itu, laporan ini berperanan sebagai rujukan strategik dalam merancang tindakan penambahbaikan pada tahun-tahun berikutnya, memastikan penggunaan sumber yang lebih optimum, serta memperkukuh tahap akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan institusi.

Di samping itu, penyediaan laporan ini juga bertujuan untuk memudahkan urusan staf yang ingin memohon kenaikan gred, memandangkan dokumen ini telah diinisiatifkan sebagai salah satu bahan rujukan yang boleh digunakan sebagai bukti sumbangan individu terhadap pencapaian KPI institusi bagi tahun 2024. Laporan ini turut berfungsi sebagai sumber maklumat yang relevan untuk disampaikan kepada pihak berkepentingan, khususnya berkaitan pencapaian serta impak program yang telah dilaksanakan dalam usaha mencapai objektif jangka panjang KKPB.

B. RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian penuh 100% bagi petunjuk prestasi utama (KPI) yang meliputi tujuh teras strategik institusi merupakan satu pencapaian signifikan yang mencerminkan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan yang telah digariskan. Ia juga menunjukkan komitmen padu pihak pengurusan dan warga KKPb dalam menjayakan agenda transformasi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta tadbir urus yang cekap dan berimpak tinggi


Bagi **Teras 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti**, pencapaian KPI 100% memperlihatkan kejayaan dalam menyediakan graduan yang bukan sahaja memenuhi keperluan industri semasa tetapi juga memiliki daya saing tinggi. Ini disokong oleh pencapaian dalam **Teras 4: Pemantapan Program Pengajian**, yang menumpukan kepada kualiti kurikulum, kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif serta penggunaan teknologi dalam pembelajaran secara menyeluruh. Kejayaan kedua-dua teras ini secara tidak langsung dilihat dapat menyumbang kepada kebolehpasaran graduan.

Dalam aspek tadbir urus, **Teras 2: Memantapkan Governan yang Responsif dan Mampan** telah menunjukkan pelaksanaan sistem pengurusan yang cekap serta pematuhan terhadap prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Di samping itu, **Teras 3: Pemerksaan Bakat** berjaya direalisasikan melalui pembangunan modal insan secara berterusan dan juga penambahbaikan kemahiran dan kepimpinan secara berterusan. Ini menunjukkan bahawa KKPb bukan sahaja menumpukan kepada output pelajar, tetapi turut memberi perhatian kepada pembangunan staf dan tenaga pengajar.

Seterusnya, **Teras 5: Memperkukuh Kolaborasi Industri, Komuniti dan Alumni** telah mencapai kejayaan melalui pengukuhan jaringan strategik yang membuka lebih banyak peluang kerjasama, penempatan latihan industri, dan sokongan kepada pembangunan program-program yang relevan. Manakala, **Teras 6: Membudaya Penyelidikan dan Inovasi** menunjukkan bahawa elemen inovatif dan kajian diterapkan secara aktif dalam operasi dan pengajaran, sejajar dengan aspirasi untuk menjadi pusat rujukan yang progresif dan berdaya saing. Kejayaan **Teras 7: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)** menggambarkan pencapaian dalam menyediakan akses pendidikan kepada masyarakat umum, merapatkan jurang kemahiran, serta menyokong pembangunan individu secara berterusan bagi semua komuniti merentas semua peringkat umur.

Secara keseluruhannya, kejayaan mencapai KPI 100% bagi kesemua tujuh teras ini membuktikan bahawa KKPb berada pada landasan yang tepat dan mencerminkan satu ekosistem pengurusan yang dirancangi dan dengan kerjasama dan sokongan keseluruhan warga KKPb.

C. PENGURUSAN KPI. CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KPI KKPB




PENGURUSAN KPI. DAFTAR KPI 2024 YANG DITETAPKAN

TERAS	2024	SASARAN KPI
TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI	KPI 1	Kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri Program pembangunan pelajar berciri holistik Pelajar berjaya keperingkat kebangsaan atau antarabangsa.
	KPI 2	
	KPI 3	
	KPI 4 - KPI BAHARU	
TERAS 2: MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN	KPI 5	Pengiktirafan daripada badan/agensi
	KPI 6	Program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi
	KPI 7	Skor kualiti data POLYCC.
	KPI 8	Pogram/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan institusi
	KPI 9 - KPI BAHARU	Prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).
	KPI 10	Pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di kolej komuniti
	KPI 11	Prestasi perbelanjaan mengurus (B64).
	KPI 12	Prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari
TERAS 3: PEMERKASAAN BAKAT	KPI 13	Pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri
TERAS 4: PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN	KPI 14 - KPI BAHARU	Bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
TERAS 5: MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI	KPI 15	Industri bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi
TERAS 6: MEMBUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI	KPI 16	Penerbitan penyelidikan
	KPI 17	Produk inovasi yang diaplikasikan
TERAS 7: MEMPERKUKUH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)	KPI 18	Penyertaan program pembelajaran sepanjang hayat

PENGURUSAN KPI. GARIS MASA PENGHANTARAN DOKUMEN BUKTI DAN PROSES VALIDASI

Tarikh Tutup Pengisian Data



PENGURUSAN KPI. PENYATAAN DAN NILAI WAJARAN KPI 2024

NO. KPI	PERNYATAAN KPI	SASARAN	WAJARAN		
			Kluster 1	Kluster 2	Kluster 3
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti	95%	7	7	7
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	8%	6	6	6
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik	1000	5	5	5
4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa	250	5	5	5
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa	80	5	5	
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi	250	6	6	6
7	Skor kualiti data POLYCC	86%	6	6	6
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa	14370	4	4	4
9	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC)	50%	4	4	
10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma	80%	6	6	6
11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	99%	6	6	6
12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima	95%	6	6	6
13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa	45%	5	5	5
14	Bilangan bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti	416	5	5	5
15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	350	5	5	5
16	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa	880	6	6	6
17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan	125	6	6	
18	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa	175,000	7	7	7
TOTAL :			100	100	85

Nota: Jumlah markah yang kurang daripada 100 akan diselaraskan kepada pemarkahan 100%

PENGURUSAN KPI. LANTIKAN AJK KPI KKPB 2024



**KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Batu 19, Jalan Maran
26300 Gambang
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-5498811
Faks : 09-5495500



Ruj. Kami : KKPB/500-15/1Jld.35 (50)
Tarikh : 07 Februari 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KPI JABATAN KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa, tuan/puan telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa KPI Jabatan Kolej Komuniti Paya Besar berkuatkuasa pada 07 Februari 2024.
3. Semoga tuan/puan dapat memberikan kerjasama dan menjalankan tugas yang diberikan dengan baik Di atas segala jasa baik tuan/puan, pihak kolej terdahulu dari itu, merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHUHAILA BINTI IBRAHIM)
Pengarah
Kolej Komuniti Paya Besar
Kementerian Pendidikan Tinggi



CERTIFIED TO ISO 21001:2018
CERT. NO. EOMS 00135

PENGURUSAN KPI. LANTIKAN AJK KPI KKP 2024

Lampiran

JAWATANKUASA KPI JABATAN		
PENGERUSI	Shuhaila Binti Ibrahim	Pengarah
TIMBALAN PENERUSI	Ts. Zaira Hasnida Binti Mohamed Rashid	Timbalan Pengarah (Akademik)
	Sufian Bin Mastor	Timbalan Pengarah (Pengurusan)
	Hajah Nurul Huda Binti Abdul Rashid	Timbalan Pengarah Cawangan (KKPBCM)
SETIAUSAHA	Siti Rohayu Binti Mohd Khaldi	Penyelaras KPI
AJK	Rina Raha Binti Abdul Hamid	Penyelaras Pengesanan Graduan
	Hajah Nor Azita Binti Abu Hanifah	Pegawai Keusahawanan
	Juliza Binti Mohamad Arif	Pegawai Pembangunan Pelajar
	Faridah Binti Said	Pegawai Pengambilan
	Dzazuriaty Binti Muhamad	Pegawai Sistem Kualiti
	Wan Zaimah Binti Wan Adnan	Penyelaras Pengurusan Lean
	Sufian Bin Mastor	Penyelaras Data MyMoheS
	Shudiani Binti Mohd Sukri	Ketua Unit Komunikasi Dan Hubungan Korporat
	Nurul Najihah Binti Mohammad	Pengurus <i>Industry on Campus</i>
	Nurul Illiana Nadhirah Binti Mohd Zaki	Penolong Pegawai Tadbir
	Sharifah Hamidah Binti Syed Hamid	Pegawai Latihan Dan Pembangunan Staf
	Ayu Hasnidah Binti Zainudin	Pegawai e-Pembelajaran
	Siti Rohayu Binti Mohd Khaldi	Pegawai Perhubungan Industri Dan Alumni
	Basliza Binti Mohamad Noor	Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi Dan Komersialan
	Haji Ismail Bin Samsudin	Ketua Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat

PENGURUSAN KPI. PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

		PENERAJU (JAWATAN / PEGAWAI / UNIT)		NILAI / %	
TERAS 1 - Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti					
KPI 1	Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti	PENYELARAS PENGESANAN GRADUAN	RINA RAHA BINTI ABDUL HAMID	UNIT KOLABORASI INDUSTRI & KOMUNITI	95%
KPI 2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri	PEGAWAI KEUSAHAWANAN	NOR AZITA BINTI ABU HANIFAH		8%
KPI 3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik (CSR / Program Pembangunan Pelajar)	PEGAWAI PEMBANGUNAN PELAJAR	JULIZA BINTI MOHAMAD ARIF	UNIT AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR	9
KPI 4	Bilangan pelajar yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa				2

TERAS 2 - Memantapkan Governan yang Responsif & Mampan					
KPI 5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	PEGAWAI SISTEM KUALITI	DZAZURIATY BINTI MUHAMAD	UNIT JAMINAN KUALITI	1
KPI 6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi	PENYELARAS PENGURUSAN LEAN	WAN ZAIMAH BINTI WAN ADNAN	TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN	2
KPI 7	Skor kualiti data PolyCC	PENYELARAS DATA MYMOHES	SUFIAN BIN MASTOR		86%
KPI 8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media	KETUA UNIT KOMUNIKASI & HUBUNGAN KORPORAT	SHUDIANI BINTI MOHD SUKRI	UNIT KOMUNIKASI DAN HUBUNGAN KORPORAT (UKK)	130
KPI 9	Skor Prestasi Pencapaian Industry Education Centre (IEC) JPPKK	PENGURUS <i>INDUSTRY ON CAMPUS</i>	NURUL NAJIAH BINTI MOHAMMAD	TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)	50%
KPI 10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik	PEG. PENGAMBILAN	FARIDAH BINTI SAID	UNIT AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR (UAPP)	80%
KPI 11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64)	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	NURUL ILLIANA NADHIRAH BINTI MOHD ZAKI	TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN	99.0%
KPI 12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari				95%

PENGURUSAN KPI. PEGAWAI KKPB BERTANGGUNGJAWAB

TERAS 3 - Memperkaya Bakat

KPI 13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	PEGAWAI LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF	SHARIFAH HAMIDAH BINTI SYED HAMID	TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK	45%
--------	--	--------------------------------------	-----------------------------------	----------------------------	-----

TERAS 4 - Pemantapan Program Pengajian

KPI 14	Bilangan Bahan Digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh PoliKK	PEGAWAI E-PEMBELAJARAN	AYU HASNIDAH BINTI ZAINUDIN	UNIT PEMBELAJARAN DIGITAL	3
--------	--	------------------------	-----------------------------	---------------------------	---

TERAS 5 - Memperkukuh Kolaborasi Industri Dan Komuniti

KPI 15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	PEGAWAI PERHUBUNGAN INDUSTRI DAN ALUMNI(PPIA)	SITI ROHAYU BINTI MOHD KHALDI	UNIT KOLABORASI INDUSTRI & KOMUNITI	4
--------	---	---	-------------------------------	-------------------------------------	---

TERAS 6 - Membudaya Penyelidikan Gunaan Dan Inovasi

KPI 16	Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa.	PENYELARAS UNIT PENYELIDIKAN	BASLIZA BINTI MOHAMAD NOOR	UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIALAN (KUPIK)	5
KPI 17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.	PENYELARAS INOVASI DAN KOMERSILAN			1

TERAS 7 - Memperkukuhkan Pengajian Sepanjang Hayat

KPI 18	Bilangan penyertaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.	KETUA UNIT PSH	ISMAIL BIN SAMSUDIN	UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	3397
--------	---	----------------	---------------------	-----------------------------------	------

PENCAPAIAN INDEKS PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUNAN KKPB

2018 > SASARAN KPI INSTITUSI - 15

KPI tidak capai :

1. Pengambilan (25% / 49%)
2. Pendapatan Akaun Amanah (53k/100k)
3. Pembangunan Bakat (3.7% / 5%)
4. 5% Penjimatan Bill (0% / 5%)
5. Inovasi (0/3)
6. Penyelidikan (1.85% / 10%)

2019 > SASARAN KPI INSTITUSI - 15

KPI tidak capai :

1. Prestasi Bill 7 hari (99.20%)
2. Penyelidikan (4/5)

2020 > SASARAN KPI INSTITUSI - 13

KPI tidak capai :

1. Prestasi Perbelanjaan Mengurus (98.39%)

2021 > SASARAN KPI INSTITUSI - 14

KPI TERCAPAI SEPENUHNYA 100%


2022 > SASARAN KPI INSTITUSI - 19

KPI TERCAPAI SEPENUHNYA 100%

2023 > SASARAN KPI INSTITUSI - 15

KPI tidak capai :

1. Prestasi Bill 7 hari (3.11% / 4%)



TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
PENCAPAIAN	80%	98%	99%	100%	100%	99%	100%

D. ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN PERTAMA

RUMUSAN KEPUTUSAN PENCAPAIAN KKP B BAGI KPI JPPKK SUKU PERTAMA 2024

PERATUSAN SASARAN PENCAPAIAN SUKUAN KPI 2024	100%
% PENCAPAIAN SUKU PERTAMA	17.13%
BAKI % PERLU CAPAI	82.87%

KPI TELAH CAPAI 100 SASARAN % DITETAPKAN

1	KPI 13 - Bakat	5%
---	----------------	----

KPI MENCAPAI SEPARUH % PENCAPAIAN

1	KPI 8 - Hebahan	3.66%
2	KPI 16 - Penyelidikan	4.80%

KPI MASIH BELUM MENCAPAI SEPARUH % PENCAPAIAN

1	KPI 2 - Keusahawanan	1.45%
2	KPI 18 - PSH	2.92%

PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PENCAPAIAN KKP B BAGI KPI JPPKK SUKU PERTAMA 2024

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.	95%	7%	0%	0%	0%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri.	8%	6%	1%	0.75%	1.45%
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik.	9	5%	0	0%	0%
4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	2	5%	0	0%	0%
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	1	5%	0	0%	0%
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi.	2	6%	0	0%	0%
7	Skor kualiti data POLYCC.	86%	6%	0%	0%	0%
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa.	130	4%	119	91.54%	3.66%
9	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).	50%	4%	0%	0%	0%
10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma.	80%	6%	0%	0%	0%
11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).	99%	6%	0%	0%	0%

ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN PERTAMA

PERATUSAN SASARAN PENCAPAIAN SUKUAN KPI 2024		100%
KPI MASIH BELUM DIHANTAR		
1	KPI 1 - Pengesanan Graduan	0%
2	KPI 3 - Program Pelajar	0%
3	KPI 4 - Kejayaan Pelajar	0%
4	KPI 5 - Pengiktirafan	0%
5	KPI 6 - Kelestarian	0%
6	KPI 7 - Skor Kualiti Data	0%
7	KPI 9 - IOC	0%
8	KPI 10 - Pengambilan	0%
9	KPI 14 - E Learning	0%
10	KPI 15 - Kolaborasi	0%
11	KPI 17 - Inovasi	0%
KPI BERTERUSAN TANPA REKOD PENCAPAIAN SUKUAN DI SISTEM PERSIST		
1	KPI 11 - Prestasi Belanja Mengurus	6%
2	KPI 12 - Prestasi Bil 7 Hari	6%

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7)hari	95%	6%	0%	0%	0%
13	Peratus pensyarah kursus teras bidang kemahiran industri pada tahun semasa.	45%	5%	92.3%	100%	5%
14	Bilangan bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti.	3	5%	0	0%	0%
15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	4	5%	0	0%	0%
16	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti	5	6%	4	80%	4.80%
17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.	1	6%	0	0%	0%
18	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.	3289	7%	1371	41.68%	2.92%
PERATUS PENCAPAIAN DI PERSIST						17.13%
PERATUS PENCAPAIAN TANPA PAPARAN PENCAPAIAN KEWANGAN DI SISTEM PERSIST						29.13%


ULASAN PENCAPAIAN SUKU PERTAMA

- Bagi KPI 2, pencapaian yang tepat adalah 1.48%, namun berlaku gangguan sistem yang menyebabkan hanya 1% yang dipaparkan di sistem PERSIST.
- Program pelajar tidak sempat dimasukkan kerana laporan diterima di saat akhir.
- KPI 11 dan 12 (keuangan), markah hanya akan dipaparkan pada hujung tahun. EO diminta untuk lebih berhati-hati dalam menguruskan KPI ini, kerana dokumen tidak lagi perlu dimuat naik. Sehubungan itu, penghantaran dokumen untuk semakan semula di peringkat penyelarasan adalah diwajibkan.
- Pencapaian peserta PSH adalah seramai 1,371 daripada 3,289.

PETUNJUK PRESTASI KPI KKPb SUKU PERTAMA 2024.

RUMUSAN PENCAPAIAN SUKU PERTAMA

- **Pencapaian Positif:** KPI dengan nilai tinggi seperti KPI 13 (100%) dan KPI 8 (91.54%) menunjukkan bahawa terdapat KPI yang berjaya mencapai sasaran dan berprestasi tinggi. Fokus kepada bidang ini boleh diteruskan untuk mengekalkan kejayaan tersebut.
- **Bidang yang Perlu Ditingkatkan:** KPI dengan nilai pertengahan seperti KPI 2 (12.5%) dan KPI 18 (41.68%) memerlukan ruang untuk memperbaiki pencapaian dengan merancang strategi yang lebih berkesan
- **Perlu Penambahbaikan:** Nilai 0 yang dicatatkan dalam banyak KPI menunjukkan pergerakan ke arah pencapaian KPI yang agak perlahan. Walaubagaimana pun, langkah-langkah bagi mencapai KPI telah disusun oleh PIC bagi setiap sasaran.
- Secara keseluruhan, strategi perbaikan perlu memberi fokus kepada KPI yang belum tercapai (nilai 0) sambil mengekalkan momentum KPI yang telah berjaya mencapai sasaran dengan lebih awal.



Carta palang menunjukkan pencapaian sasaran KPI bagi suku pertama dengan rumusan peratus pencapaian sebanyak 17.13%.

ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN KEDUA

PERATUSAN SASARAN PENCAPAIAN SUKUAN KPI 2024	100%
% PENCAPAIAN SUKUAN KEDUA	32.76%
BAKI % PERLU CAPAI	67.24%

KPI TELAH CAPAI 100 SASARAN % DITETAPKAN		
1	KPI 13 - Bakat	5%
2	KPI 2 - Keusahawanan	6%
3	KPI 8 - Hebahan	4%

KPI MENCAPAI SEPARUH % PENCAPAIAN		
1	KPI 16 - Peyelidikan	4.80%
2	KPI 6 - Kelestarian	3%
3	KPI 15 - Kolaborasi	2.50%
4	KPI 18 - PSH	5.20%

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.	95%	7%	0%	0%	0%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri.	8%	6%	8.89%	100%	6%
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik.	9	5%	4	44.44%	2.22%
4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	2	5%	0	0.0%	0%
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	1	5%	0	0%	0%
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi.	2	6%	1	50%	3%
7	Skor kualiti data POLYCC.	86%	6%	0%	0%	0%
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa.	130	4%	221	100%	4%
9	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).	50%	4%	0%	0%	0%
10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma.	80%	6%	0%	0%	0%
11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).	99%	6%	0%	0%	0%
12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7hari selepas dokumen lengkap diterima.	95%	6%	0%	0%	0%

ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN KEDUA

PERATUSAN SASARAN PENCAPAIAN SUKUAN KPI 2024		100%
KPI MASIH BELUM MENCAPAI SEPARUH % PENCAPAIAN		
1	KPI 3 - Program Pelajar	2.22%
KPI MASIH BELUM DIHANTAR		
1	KPI 1 - Pengesanan Graduan	0%
3	KPI 4 - Kejayaan Pelajar	0%
4	KPI 5 - Pengiktirafan	0%
5	KPI 7 - Skor Kualiti Data	0%
6	KPI 9 - IOC	0%
7	KPI 10 - Pengambilan	0%
8	KPI 14 - E Learning	0%
9	KPI 17 - Inovasi	0%
KPI BERTERUSAN TANPA REKOD PENCAPAIAN SUKUAN DI SISTEM PERSIST		
1	KPI 11 - Prestasi Belanja Mengurus	6%
2	KPI 12 - Prestasi Bil 7 Hari	6%

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	45%	5%	92.3%	100%	5%
14	Bilangan bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti.	3	5%	0	0%	0%
15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	4	5%	2	50%	2.50%
16	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa.	5	6%	4	80%	4.80%
17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.	1	6%	0	0%	0%
18	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.	3397	7%	2542	74.83%	5.24%
PERATUS PENCAPAIAN DI PERSIST						32.76%
PERATUS PENCAPAIAN TANPA PAPARAN PENCAPAIAN KEWANGAN DI SISTEM PERSIST						44.76%


ULASAN PENCAPAIAN SUKU KE 2

- Penghantaran laporan bagi KPI 2 telah diterima dan telah mencapai sasaran penuh KPI 2024.
- Kesemua empat laporan program yang telah dihantar bagi KPI 3 telah diterima.
- Tiga laporan kejayaan pelajar bagi KPI 4 telah ditolak kerana tidak memenuhi kriteria, termasuk kekurangan pautan gambar, salinan sijil, dan dokumen berkaitan.
- Bagi KPI 8, laporan diterima dengan jumlah keseluruhan sebanyak 221 laporan.
- Tiada pemarkahan bagi KPI 14 walau laporan diterima kerana pautan tidak dilampirkan.
- Pencapaian KPI 18 ialah seramai 2,542 peserta bagi suku ke dua.

PETUNJUK PRESTASI KPI KKPB SUKU KEDUA 2024.

RUMUSAN PENCAPAIAN SUKU KEDUA

- **Pencapaian Positif:** Tiga KPI dengan pencapaian nilai 100% (KPI 2, KPI 8, KPI 13) menunjukkan pencapaian yang sangat baik dan perlu dikekalkan. Strategi pencapaian bidang KPI ini boleh dijadikan contoh terbaik untuk diikuti dalam pengurusan KPI institusi.
- **Bidang yang Perlu Ditingkatkan:** KPI dengan nilai pertengahan seperti KPI 3 (44.44%), KPI 6 (50%), dan KPI 15 (50%) menunjukkan bahawa ada ruang untuk penambahbaikan. Tindakan yang lebih terfokus dan strategi yang lebih jelas boleh membantu meningkatkan pencapaian dalam KPI ini.
- **KPI dengan Nilai 0:** Banyak KPI mencatatkan nilai 0, yang perlu diselidiki lebih lanjut. Ini boleh disebabkan oleh beberapa faktor, seperti kurangnya pelaksanaan aktiviti atau kekurangan data yang relevan. Oleh itu, penting untuk mengenal pasti punca masalah dan mencari satu perancangan yang efektif untuk memperbaiki pencapaian dalam sasaran tersebut pada sukuan seterusnya.



Carta palang menunjukkan pencapaian sasaran KPI bagi sukuan kedua dengan rumusan peratus pencapaian sebanyak 32.76%

ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN KETIGA

PERATUSAN SASARAN PENCAPAIAN SUKUAN KPI 2024 100%	100%
% PENCAPAIAN SUKUAN KETIGA	68.18%
BAKI % PERLU CAPAI	31.87%

KPI TELAH CAPAI 100 SASARAN % DITETAPKAN		
1	KPI 13 - Bakat	5%
2	KPI 2 - Keusahawanan	6%
3	KPI 8 - Hebahan	4%
4	KPI 4 - Kejayaan Pelajar	5%
5	KPI 5 - Pengiktirafan	5%
6	KPI 6 - Kelestarian	6%
7	KPI 7 - Skor Kualiti Data	6%

PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PENCAPAIAN KKP B BAGI KPI JPPKK SUKU KETIGA 2024

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.	95%	7%	0%	0%	0%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri.	8%	6%	8.89%	100%	6%
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik.	9	5%	6	66.67%	3.33%
4	Bilangan pelajar yang berjaya ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	2	5%	5	100%	5%
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	1	5%	1	100%	5%
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urusjabatan/institusi.	2	6%	2	100%	6%
7	Skor kualiti data POLYCC.	86%	6%	99.67%	100%	6%
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa.	130	4%	302	100%	4%
9	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).	50%	4%	0%	0%	0%
10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolejkomuniti berdasarkan norma.	80%	6%	87.6%	100%	6%

KPI TELAH CAPAI 100 SASARAN % DITETAPKAN

8	KPI 10 - Pengambilan	6%
9	KPI 14 - E Learning	5%
10	KPI 15 - Kolaborasi	5%
11	KPI 18 - PSH	7%

KPI MENCAPAI SEPARUH % PENCAPAIAN

1	KPI 3 - Program Pelajar	3.33%
2	KPI 16 - Peyelidikan	4.8%

KPI MASIH BELUM DIHANTAR

1	KPI 1 - Pengesanan Graduan	0%
2	KPI 9 - IOC	0%
3	KPI 17 - Inovasi	0%

KPI BERTERUSAN TANPA REKOD PENCAPAIAN SUKUAN DI SISTEM PERSIST

1	KPI 11 - Prestasi Belanja Mengurus	6%
2	KPI 12 - Prestasi Bil 7 Hari	6%

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).	99%	6%	0%	0%	0%
12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.	95%	6%	0%	0%	0%
13	Peratus penyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	45%	5%	92.1%	100%	5%
14	Bilangan bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti.	3	5%	3	100%	5%
15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	4	5%	4	100%	5%
16	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa.	5	6%	4	80%	4.8%
17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.	1	6%	0	0%	0%
18	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.	3289	7%	3524	100%	7%
PERATUS PENCAPAIAN DI PERSIST						68.13%
PERATUS PENCAPAIAN TANPA PAPARAN PENCAPAIAN KEWANGAN DI SISTEM PERSIST						80.13%


ULASAN PENCAPAIAN SUKU KE 3

- Penghantaran kertas kerja bagi KPI 16 ditolak kerana dokumen bukti tidak mencukupi.
- KPI 17 juga telah tidak diterima kerana kekurangan dokumen bukti
- KPI 3 & 4 dibawah unit HEP juga telah diterima dengan encapaian 100% bagi KPI 4
- Secara keseluruhannya, 11 KPI telah berjaya disempurnakan dengan pencapaian 100%

PETUNJUK PRESTASI KPI KKPb SUKU KETIGA 2024.

RUMUSAN PENCAPAIAN SUKU KETIGA

- **Pencapaian Positif:** Sebanyak 11 KPI telah mencapai 100% sasaran yang ditetapkan, menunjukkan prestasi sangat memberangsangkan dalam beberapa bidang teras. Terdapat 2 KPI yang mencapai sasaran tetapi tidak direkod dalam sistem Persist, iaitu KPI 11 dan KPI 12 yang menunjukkan berlaku pematuhan dari segi dokumentasi dan sistem.
- **Bidang yang Perlu Ditingkatkan:** KPI dengan nilai pertengahan seperti KPI 3 dan KPI 16 menunjukkan potensi untuk peningkatan jika diberikan fokus. Tindakan kajian semula strategi pelaksanaan atau aliran kerja boleh dilihat semula bagi tujuan enambahbaikan.
- **KPI dengan Nilai 0:** Tiga KPI yang masih belum mencapai apa-apa sasaran akan diselesaikan pada sukuan ke 4. Ini kerana laporan kemajuan adalah secara berkala, namun laporannya adalah secara tahunan.



Carta palang menunjukkan pencapaian sasaran KPI bagi sukuan ketiga dengan peratus pencapaian sebanyak 68.13%

ANALISIS PENCAPAIAN KPI 2024. SUKUAN KEEMPAT

RUMUSAN KEPUTUSAN PENCAPAIAN KKP B BAGI KPI JPPKK SUKU KEEMPAT 2024

PENCAPAIAN SUKU PERTAMA	17.13 %
PENCAPAIAN SUKU KE DUA	32.75%
PENCAPAIAN SUKU KETIGA	68.13%
PENCAPAIAN SUKU KEEMPAT	100.00%

PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PENCAPAIAN KKP B BAGI KPI JPPKK SUKU KEEMPAT 2024


KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
1	Peratus kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.	95%	7%	98.3%	100%	7%
2	Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri.	8%	6%	8.89%	100%	6%
3	Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik.	9	5%	12	100%	5%
4	Bilangan pelajar yang berjaya keperingkat kebangsaan atau antarabangsa.	2	5%	8	100%	5%
5	Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.	1	5%	1	100%	5%
6	Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urusjabatan/institusi.	2	6	2	100%	6%
7	Skor kualiti data POLYCC.	86%	6%	99.67%	100%	6%
8	Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa.	130	4%	377	100%	4%
9	Skor prestasi pencapaian Industry Education Centre (IEC).	50%	4%	77.5%	100%	4%
10	Peratus pelajar lepasan SPM/setaraf mendaftar di politeknik dan kolej komuniti berdasarkan norma.	80%	6	87.6%	100%	6%

KPI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN	WAJARAN	PENCAPAIAN	STATUS	SKOR PENCAPAIAN
11	Peratus prestasi perbelanjaan mengurus (B64).	99%	6%	99.99%	100%	6%
12	Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima.	95%	6%	100%	100%	6%
13	Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa.	45%	5%	92.30%	100%	5%
14	Bilangan bahan digital Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dihasilkan oleh politeknik dan kolej komuniti.	3	5%	3	100%	5%
15	Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi.	4	5%	4	100%	5%
16	Bilangan penerbitan penyelidikan oleh warga politeknik dan kolej komuniti pada tahun semasa.	5	6%	5	100%	6%
17	Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan pada tahun semasa.	1	6%	1	100%	6%
18	Bilangan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat pada tahun semasa.	3397	7%	4006	100%	7%
PERATUS PENCAPAIAN DI PERSIST						100.00%

PETUNJUK PRESTASI KPI KKPB SUKU KEEMPAT 2024 DAN KESELURUHAN

ULASAN KESELURUHAN PENCAPAIAN KPI 2024

- Secara keseluruhannya, pencapaian 100% untuk kesemua KPI yang disenaraikan mencerminkan prestasi yang sangat baik dalam semua 7 teras utama. Ini menunjukkan bahawa strategi yang dirancang untuk pengurusan bagi keeluruhan KPI telah dirancang dan dilaksanakan dengan penuh komitmen dan keberkesanan.
- Dengan ini, pencapaian keseluruhan KPI 100% menunjukkan bahawa organisasi telah berjaya mencapai tujuan utama dengan cemerlang. Namun, penambahbaikan berterusan dalam semua aspek sistem dan dokumentasi adalah langkah penting yang sentiasa perlu diperkembangkan untuk memastikan keberkesanan dan ketepatan pengurusan KPI bagi tahun seterusnya.



Carta palang menunjukkan pencapaian sasaran KPI bagi setiap sukuan bagi 2024

E. ANALISIS PENYUMBANG UTAMA PENCAPAIAN KPI KKPb

TERAS 1 - MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

KPI 1		KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI	
SASARAN :	95%	SUKUAN PERTAMA :	-
		SUKUAN KEDUA :	-
